

# KUTKM TAWARKAN 1,502 TEMPAT UNTUK SESI 2003/2004

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 27/05/2003 | Author: / RW KHY MAI

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Ayer Keroh, Melaka, menawarkan 1,502 tempat untuk pelajar baru sesi 2003/2004 bagi program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Rektornya Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Abdul Ghani berkata daripada jumlah itu, 322 pelajar akan mengikuti program Diploma manakala 1,180 pelajar mengikuti program Ijazah Sarjana Muda.

Menurut kenyataannya di sini hari ini, terdapat lapan kursus baru yang ditawarkan bagi sesi kali ini.

Kursus-kursus baru itu ialah:

- + Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk dan Inovasi)

- + Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)

- + Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Komunikasi)

- + Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)

- + Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi dan Automasi)

- + Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan)

- + Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi), dan

- + Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pangkalan Data).

Mohd Ruddin berkata, pecahan bilangan pelajar mengikut fakulti pula ialah bagi Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer seramai 308 orang, Fakulti Kejuruteraan Elektrik 266 orang, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan 264 orang, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal 299 orang dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi seramai 365 orang.

Pelajar akan mula mendaftarkan diri di kampus sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh pada 1 Jun ini dan pendaftaran tersebut dijalankan serentak di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam seluruh negara.

-- BERNAMA

RW KHY MAI